

PROPOSED URBAN FOREST DEVELOPMENT FOR SANDAKAN
RAINFOREST PARK USING ECO-ADVENTURE APPROACH

NURZULIZA BINTI JAMIRSAH

Faculty of Built Environment
UNIVERSITI TEKNOOGI MALAYSIA

APRIL 2010

ABSTRAK

Hutan Bandar merupakan suatu kawasan yang berlatarbelakangkan alam sekitar di mana orang ramai boleh berkumpul dan bersosial selain daripada untuk melarikan diri dari kesibukan hidup di bandaraya. Ia merupakan suatu kawasan untuk orang ramai melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi semula jadi dengan sentuhan program mesra alam dan rekabentuk yang berkonsepkan eko-sensitif. Oleh itu, hutan bandar ini memerlukan pelbagai perkara yang perlu diambil kira untuk menjaga kesensitivitan ekosistem hutan. Kebanyakan Taman Hutan Bandar tidak dirancang dan direkabentuk untuk memenuhi keperluan dan tidak menyediakan kemudahan aktiviti-aktiviti eko-lasak yang telah menjadi ikutan masa kini. Tambahan pula, banyak taman hutan bandar yang tidak direka bentuk untuk menjadi ekosistem mampan. Oleh itu, kajian ini menyediakan garis panduan yang relevan untuk perancangan dan rekabentuk Taman Eko-Lasak pada masa hadapan. Kajian awalan dan kajian ilmiah juga telah dijalankan untuk mengenal pasti aspek keperluan rekabentuk taman hutan bandar dan pengguna daripada pelbagai lapisan umur. Kajian perbandingan antara dua tapak taman hutan bandar lain dijalankan untuk mendapatkan idea yang bernas dalam memahami topik berkaitan. Oleh yang demikian, beberapa inventori dan analisa telah dijalankan di tapak untuk mengenal pasti isu-isu yang dominan untuk diselesaikan semasa peringkat merekabentuk. Isu-isu yang terdapat di Taman Hutan Hujan Sandakan adalah isu berkaitan dengan 'green-wash fad' semasa pembangunan hutan, pencerobohan sempadan hutan semasa pembangunan perumahan, dan pembalakan haram oleh penduduk tempatan. Oleh itu, dengan perancangan berfasa yang terancang dan pengendalian hutan bandar yang mampan, isu-isu tersebut berkemungkinan besar dapat diselesaikan. Selepas itu, perancangan pelan induk landskap dihasilkan untuk menunjukkan pakej aktiviti-aktiviti eko-lasak yang terdapat dalam hutan bandar yang akan dibuat. Di dalam pelan induk landskap tersebut, perincian dapat ditunjukkan tentang bagaimana orang ramai melibatkan diri dengan alam sekitar, memahami kesensitivitan ekosistem hutan semasa melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti eko-lasak. Seterusnya, pelan

tapak terperinci telah dipilih untuk menunjukkan denai eko-tanah lembap dan rawatan ekologi serta cadangan aktiviti eko-lasak air yang digunakan di tapak. Berdasarkan kepada kaedah dan proses tersebut, ini boleh dinyatakan bahawa produk akhir kajian ilmiah ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk merancang pembangunan hutan bandar pada masa hadapan.

Kata Kunci: Hutan Bandar; Rekreasi Semula Jadi; Aktiviti-aktiviti Eko-Lasak; Ekosistem Hutan ;Rawatan Ekologi.

ABSTRACT

Urban forest is an outdoor space where public could congregate and gather in order to seek refuge from busy urban day life. It is the place for the public to be involved in natural recreation with eco-friendly and eco-sensitive recreational programs. Thus, it demands various considerations on ecologically sensitive design aspects. Most of today's urban forest park is not properly designed to address the needs and to accommodate current trend of outdoor eco-adventure activities. Furthermore, many urban forest parks were not design properly to be self-sustainable. This study provides relevant guidelines in planning and designing of the eco-adventure park in the future. Preliminary studies and literature reviews on the aspect of urban forest park design and user needs were carried out and comparative studies were used to get better ideas and understanding of the relevant topics. Therefore, several inventory and analysis has been made on site to find dominant issues to solve later in the design stage. The issues in Sandakan Rainforest Park are the forest is green-wash fads in developing the forest, the invasion of growing residential areas and illegal logging in the forest. So that by proper phasing planning and forest park management eventually the issues could be dissolved. After that, the overall landscape master plan was developed to show the full package of eco-adventure activities. In this propose master plan it is shown in detail how the public involve with nature, understands the fragility of forest ecosystems while participating the eco-adventure activities. Consequently, the detailed area plan was chosen to show the specific eco-wetland trail and the ecological treatment of the site and the propose water eco-adventure activities. Based on these methods and process, it could be stated that the final product of this study can be referred as the design formulation for this similar urban forest park.

Keywords: Urban Forest; Natural Recreation; Eco-Adventure Activities; Forest ecosystem ;Ecological Treatment.